



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 6 TAHUN 2021

TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2021

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

KANDUNGAN

1.	TUJUAN	1
2.	PELAKSANAAN	2
3.	HAL-HAL LAIN	3
4.	TARIKH KUAT KUASA.....	5
5.	PEMAKAIAN	5
LAMPIRAN A:		
GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN.....		
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021		6
1.	TUJUAN	7
2.	SENARAI AKTIVITI, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB	7
2.1	Pengurusan Pesanan Kerajaan melalui Sistem ePerolehan dan iGFMS.....	7
2.2	Arahan Pembayaran	14
2.3	Bayaran Pukal.....	15
2.4	Pengurusan Panjar	16
2.5	Pengurusan Gaji	20
2.6	Pengurusan Terimaan.....	23
2.7	Pengurusan Akaun Bank.....	26
2.8	Baucar Jurnal	27
LAMPIRAN B:		
GARIS PANDUAN PERAKAUNAN ASET DAN INVENTORI.....		
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021		29
1.	TUJUAN	30
2.	SENARAI AKTIVITI, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB	30
2.1	Tindakan Sebelum (Perakaunan Aset Bukan Semasa)	30
2.2	Tindakan Semasa (Perakaunan Aset Bukan Semasa)	43
2.3	Tindakan Selepas (Perakaunan Aset Bukan Semasa)	45
2.4	Perakaunan Aset Semasa – Inventori	49
LAMPIRAN C:		
GARIS PANDUAN PROSES PENUTUPAN AKHIR TAHUN (PAT)		
PESANAN KERAJAAN iGFMS BAGI TAHUN KEWANGAN 2021		51
1.	TUJUAN	52
2.	PELAKSANAAN	52

JANM.BKP.600-14/1/11 Jld.3(08)



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 6 TAHUN 2021**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan tarikh akhir proses dokumen kewangan tahun **2021** oleh Kementerian/Jabatan bagi melancarkan urusan penutupan akaun dan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan tahun kewangan **2021**.
- 1.2 Selaras dengan surat Kementerian Kewangan rujukan MOF.NBO(S)600-9/15/19(14) bertarikh 5 November 2021, tarikh akhir Bayaran **bagi Perbelanjaan Mengurus (OE) dan Perbelanjaan Pembangunan (DE) tahun 2021** adalah pada **30 November 2021** atau tarikh akhir yang dimaklumkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Tiada tempoh Akaun Kena Bayar (AKB) selepas tarikh tersebut. Manakala semua perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 perlu diteruskan oleh Kementerian sehingga ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

2. PELAKSANAAN

2.1 TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN

Tarikh akhir proses dokumen kewangan bagi tahun kewangan **2021** telah ditetapkan seperti berikut:

BULAN	JENIS DOKUMEN KEWANGAN	TARIKH AKHIR	
		Belanja Mengurus Dan Pembangunan	SELAIN Belanja Mengurus Dan Pembangunan
November 2021	Pesanan Kerajaan (termasuk kuiiri) ¹ <i>¹- Pastikan bayaran boleh disempurnakan selewat – lewatnya 30 November 2021 bagi Belanja Mengurus dan Pembangunan</i>	29 November 2021 (Isnin)	28 Disember 2021 (Selasa)
	Penerimaan Bekalan & Perkhidmatan - <i>Fullfillment Receive Notes (FRN), Goods/Services Received Notes (GRN)</i> (Peraku II) ¹ <i>¹- Pastikan bayaran boleh disempurnakan selewat – lewatnya 30 November 2021 bagi Belanja Mengurus dan Pembangunan</i>	29 November 2021 (Isnin)	30 Disember 2021 (Khamis)
	Arahan Pembayaran (Peraku II) ²	30 November 2021 (Selasa)	30 Disember 2021 (Khamis)
	Arahan Pembayaran - Kuiiri (Peraku II) ²	30 November 2021 (Selasa)	30 Disember 2021 (Khamis)
	Baucar Jurnal Semua Baucar Jurnal Pelarasan ³ <i>³Pelarasan melibatkan semakan peruntukan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan (debit) hendaklah diselesaikan sebelum atau pada 30 November 2021</i>	30 November 2021 (Selasa)	31 Disember 2021 (Jumaat)
	Waran Peruntukan	31 Disember 2021 (Jumaat)	
Disember 2021	Terimaan 1. Invois (AR) 2. Resit 3. Penyata Pemungut	31 Disember 2021 (Jumaat)	

² Tarikh akhir di atas adalah tertakluk kepada tarikh akhir yang dimaklumkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa, yang mana terdahulu.

2.2 PEMROSESAN DOKUMEN KEWANGAN SELEPAS TARIKH YANG DITETAPKAN

Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab memastikan bahawa perkhidmatan/bekalan/kerja (yang dipertanggungjawabkan di bawah Vot Mengurus), yang diterima/dilaksana dalam tahun 2021 tetapi tidak dibayar pada tarikh yang telah ditetapkan, maka bayaran berkenaan perlu menggunakan peruntukan Vot Mengurus tahun 2022 di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a). Bagi bayaran sedemikian, kelulusan pembayaran di bawah AP58(a) hendaklah diperoleh terlebih dahulu selaras dengan SPANM Bil. 7 Tahun 2018 Tatacara Pengurusan Bayaran.

2.3 GARIS PANDUAN

Surat Pekeliling ini mengandungi garis panduan seperti berikut:

- 2.3.1 **Lampiran A** : Garis Panduan Tarikh Akhir Proses Dokumen Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2021
- 2.3.2 **Lampiran B** : Garis Panduan Perakaunan Aset dan Inventori Bagi Tahun Kewangan 2021
- 2.3.3 **Lampiran C** : Garis Panduan Proses Penutupan Akhir Tahun (Pesanan Kerajaan iGFMS)

3. HAL-HAL LAIN

Pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) ini, boleh dirujuk kepada pihak berikut:

Pengarah
Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana
62594, Presint 2
Putrajaya
u.p. : Unit Pengurusan Prestasi
emel : unit_prestasi@anm.gov.my
No. Tel. : 03-8882 1624/1612/1622/1611

Bil	Perkara	*Pihak Yang Boleh Dirujuk
1.	Capaian Pengguna iGFMAS	Unit Authorization Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) authorization@anm.gov.my 03-8882 1151/ 1083/ 1417/ 1225
2.	Pengurusan Gaji	Unit Gaji, BPTM hrpay@anm.govmy 03-8882 1128/1152/ 1126/ 1252/ 1189/ 1201/ 1124
3.	Pengurusan Pesanan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan dan iGFMAS	Unit Logistik, BPTM 1gfmas_mm2@anm.gov.my 03-8882 1792/ 1349/ 1137/ 1218
4.	i) Bayaran Pukal ii) Arahan Pembayaran	Unit Bayaran, BPTM 1gfmas_ap@anm.gov.my 03-8882 1331/ 1130/ 1202/ 1417
5.	Pengurusan Terimaan	Unit Terimaan, BPTM 1gfmas_ar@anm.gov.my 03-8882 1358/ 1344/ 1340/ 1337
6.	Data Induk dan Waran Peruntukan	Unit Operasi Akaun Persekutuan, Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi (BPOPA) uoap@anm.gov.my 03-8882 1397/ 1641/ 1518/ 1514/ 1500
7.	Pengurusan Panjar	Unit Pengurusan Panjar Dan Bank, BPOPA unitpanjar@anm.gov.my 03-8882 1497/ 1564/ 1637/ 1602/ 1636/ 1550
8.	Pengurusan Akaun Amanah	Unit Pengurusan Akaun Amanah, BPOPA Unit_amanah@anm.gov.my 03-8882 1542/ 1543/ 1511/ 1501/ 1506
9.	Perakaunan Aset	Unit perakaunan Aset Dan Inventori Persekutuan, BPOPA upaip.bpopa@anm.gov.my 03-8882 1544/ 1597/ 1646

*Pertanyaan hendaklah disalinkan kepada Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP), u.p. Unit Pengurusan Prestasi.

4. TARIKH KUAT KUASA

Surat pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

5. PEMAKAIAN


- 5.1 Semua Kementerian/Jabatan diminta untuk merancang dengan teliti pengurusan kewangan dan perakaunan serta memastikan pemprosesan dokumen kewangan bagi tahun kewangan 2021 dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 5.2 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan arahan-arahan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Peruntukan Surat pekeliling ini juga dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. JACOB BIN MUSTAFA C.A.(M))
Akauntan Negara Malaysia

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PUTRAJAYA

11 November 2021

s.k:

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Ketua Audit Negara
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua YB Pegawai Kewangan Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Akauntan Kementerian
Semua Pengarah Negeri/Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Semua Akauntan Negeri/Bendahari Negeri

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**



**LAMPIRAN A:
GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
2021**

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan memberi penjelasan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pejabat Perakaunan (*Accounting Offices* – AO) secara terperinci mengenai tarikh akhir pemprosesan dokumen kewangan dan aktiviti yang terlibat semasa penutupan akhir tahun 2021 bagi melancarkan proses penutupan akaun dan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan tahun kewangan 2021.

2. SENARAI AKTIVITI, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

2.1 Pengurusan Pesanan Kerajaan melalui Sistem ePerolehan dan iGFMS

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tarikh Akhir Belanja Mengurus Dan Belanja Pembangunan
1.	Pesanan Kerajaan		
	1.1 Dokumen Pesanan Kerajaan merangkumi jenis dokumen berikut:		
	1.1.1 P1 – Pesanan Kerajaan (Bekalan & Perkhidmatan) ePerolehan	AO/PTJ	29.11.2021
	1.1.2 P2 – Tanggungan Kontrak Kerajaan (Bekalan & Perkhidmatan) ePerolehan	AO/PTJ	29.11.2021
	1.1.3 P3 – Pesanan Kerajaan (Bekalan & Perkhidmatan) iGFMS	AO/PTJ	29.11.2021
	1.1.4 P4 – Tanggungan Kontrak Kerajaan (Bekalan & Perkhidmatan) iGFMS	AO/PTJ	29.11.2021
	1.1.5 P5 – Waran Perjalanan Udara Awam i) Pukal ii) Bukan Pukal *Rujuk Lampiran C bagi Tatacara PAT	AO/PTJ AO/PTJ	19.11.2021 31.12.2021
	1.1.6 P6 – Pesanan/Inden Kerajaan (Kerja) iGFMS	AO/PTJ	29.11.2021
	1.1.7 P7 – Tanggungan Kontrak Kerajaan (Kerja) iGFMS	AO/PTJ	29.11.2021

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tarikh Akhir Belanja Mengurus Dan Belanja Pembangunan
	1.2 Semua Pesanan Kerajaan (termasuk kuiri) hendaklah diselesaikan sehingga Semak AO (Status 80). 1.3 Bagi dokumen P1 dan P2 (eP) yang tidak berjaya disemak AO pada 29 November 2021, dokumen hendaklah dikuiiri semula ke ePerolehan. 1.4 Batalkan dokumen pesanan eP yang berstatus 80 di sistem ePerolehan jika perolehan tidak dapat dilaksanakan dalam tahun 2021. 1.5 Dokumen Pesanan Kerajaan iGFMS yang hendak dibawa ke tahun hadapan boleh dilaksanakan melalui proses Penutupan Akhir Tahun (PAT) Pesanan Kerajaan iGFMS selepas proses pengagihan waran peruntukan selesai. Rujuk Lampiran C.	AO/PTJ AO PTJ PTJ	29.11.2021 30.11.2021 3.12.2021 Rujuk Garis Panduan PAT Pesanan Kerajaan iGFMS seperti di Lampiran C
2.	Penerimaan Bekalan & Perkhidmatan (FRN/GRN) 2.1 Bagi dokumen P1 & P2 (eP), PTJ hendaklah memastikan bekalan dan perkhidmatan diterima sepenuhnya daripada pembekal. Penerimaan Bekalan & Perkhidmatan (FRN/GRN) hendaklah diselesaikan sehingga Perakuan II (Status 80) dan meneruskan padanan bayaran di ePerolehan. 2.2 Sekiranya proses padanan bayaran tidak berjaya dilaksanakan pada 29 November 2021, FRN dan PO berkaitan hendaklah dibatalkan. Bayaran hendaklah dibuat menggunakan Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan. Bagi Vot Mengurus, bayaran akan tertakluk di bawah AP58(a) (tertakluk kepada kelulusan). Bagi pembatalan FRN/GRN dan PO yang melibatkan perolehan aset, sila rujuk Lampiran B – Garis Panduan Perakaunan Aset dan Inventori. Rujuk Garis Panduan eP.	PTJ PTJ	29.11.2021 24.12.2021

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tarikh Akhir Belanja Mengurus Dan Belanja Pembangunan
	2.3 Bagi dokumen P1 & P2 (eP), FRN yang tidak dapat diselesaikan hingga status 80 pada 29 November 2021 atau mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa kerana bekalan dan perkhidmatan diterima selepas 30 November 2021, dokumen Pesanan hendaklah dibatalkan di sistem eP. Bayaran hendaklah dibuat menggunakan Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan dengan melampirkan dokumen Pesanan Kerajaan yang telah dibatalkan tersebut sebagai sebahagian daripada dokumen sokongan. Bagi Vot Mengurus, bayaran akan tertakluk di bawah AP58(a).	PTJ	24.12.2021
	2.4 Bagi dokumen P3 & P4 (iGFMAS), jika GRN yang didaftarkan tidak berjaya diselesaikan hingga status 80 pada 29 November 2021 atau mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa, dokumen tersebut perlu dikuiiri dan dihapuskan (status 74). Dokumen Pesanan hendaklah dibatalkan. Bayaran hendaklah dibuat menggunakan Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan dengan melampirkan dokumen Pesanan Kerajaan yang telah dibatalkan tersebut sebagai sebahagian daripada dokumen sokongan. Bagi Vot Mengurus, bayaran akan tertakluk di bawah AP58(a).	AO/PTJ	24.12.2021
	2.5 Bagi Penerimaan Bekalan & Perkhidmatan (FRN/GRN) Separa (bekalan dan perkhidmatan tidak dapat diterima sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan), sila ambil tindakan berikut bagi baki bekalan yang belum diterima: 2.5.1 Bagi P1 & P2 (eP) – Arahan Pengurangan Kuantiti Bekalan & Perkhidmatan (SI) hendaklah dibuat sehingga kelulusan di eP.	PTJ	Bermula Januari 2022
		PTJ	29.11.2021

10

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tarikh Akhir Belanja Mengurus Dan Belanja Pembangunan
5.	Arahan Pembayaran Dengan Pesanan Kerajaan (ePerolehan & iGFMAS) 5.1 Memastikan Peraku I, Semak AO dan Peraku II Arahan Pembayaran (termasuk kuiri) diselesaikan bagi Pesanan Kerajaan yang: 5.1.1 Bekalan/Perkhidmatan telah diterima. 5.1.2 Kerja telah dilaksanakan. 5.2 Semak status dokumen dan pastikan semua arahan bayaran telah disempurnakan sehingga berstatus 80. 5.3 Jika arahan bayaran yang didaftarkan tidak sempat diselesaikan hingga status 80 pada 30 November 2021 atau mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa, dokumen tersebut perlu dikuiri dan dihapuskan (status 74) dan: 5.3.1 Bagi P1 & P2 (ePerolehan) (i) FRN dan PO berkaitan hendaklah dibatalkan. (ii) Bayaran hendaklah dibuat menggunakan Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan. Bagi vot Mengurus, bayaran akan tertakluk dibawah AP58 (a) (tertakluk kepada kelulusan). Sekiranya pembatalan FRN melibatkan perolehan aset, sila rujuk Lampiran B – Garis Panduan Perakaunan Aset Dan Inventori Bagi Tahun Kewangan 2021.	AO/PTJ PTJ PTJ PTJ PTJ	30.11.2021 30.11.2021 24.12.2021 Tarikh Akhir 24.12.2021 Bermula Januari 2022

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tarikh Akhir Belanja Mengurus Dan Belanja Pembangunan
	5.3.2 Bagi P3 & P4 (iGFMAS): (i) PTJ perlu kunci masuk semula arahan pembayaran pada tahun 2022 bagi Vot S, Dana Amanah dan Vot Mengurus. Bagi Vot Mengurus bayaran akan tertakluk di bawah AP58(a). (ii) Bagi Vot Pembangunan, GRN perlu dibatalkan terlebih dahulu. Proses semula GRN setelah dokumen pesanan berjaya di bawa ke hadapan melalui proses Penutupan Akhir Tahun (PAT) Pesanan Kerajaan. Sekiranya pembatalan GRN melibatkan perolehan aset, sila rujuk Lampiran B – Garis Panduan Perakaunan Aset dan Inventori. 5.4 Bagi P5 (WPUA Bukan Pukal), P6 (Inden Kerajaan (Kerja)) & P7, PTJ perlu kunci masuk semula arahan pembayaran pada tahun 2022 setelah dokumen pesanan berjaya di bawa ke hadapan melalui proses Penutupan Akhir Tahun (PAT) Pesanan Kerajaan iGFMAS. Bayaran akan tertakluk di bawah AP58(a) jika tarikh Siap/ Separa Siap Kerja/ Perkhidmatan adalah pada tahun 2021 dan sebelumnya.	PTJ PTJ PTJ	Bermula Januari 2022 24.12.2021 Rujuk Garis Panduan Pesanan Kerajaan iGFMAS PAT seperti Lampiran C Bermula Januari 2022
6.	Payment Run 6.1 Melaksanakan <i>Payment Run</i> dan memastikan semua Arahan Pembayaran bagi semua PTJ telah diselesaikan. 6.2 Semak status dokumen dan pastikan semua Arahan Pembayaran berstatus 80 telah mempunyai No. EFT.	AO PTJ	Sehingga 30.11.2021 Sehingga 30.11.2021

SPANM BIL. 6/2021

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tarikh Akhir Belanja Mengurus Dan Belanja Pembangunan
7.	Laporan		
	7.1 Laporan Pesanan Kerajaan. Mengenal pasti status dokumen pesanan kerajaan untuk tindakan melengkapkan, hapus atau batal dokumen berdasarkan tarikh yang telah ditetapkan.	PTJ	Sehingga 31.12.2021
	7.2 Laporan Terperinci Pesanan Kerajaan Yang Telah Lengkap. 7.2.1 Memastikan invois diterima daripada pembekal bagi bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima.	PTJ	Sehingga 30.11.2021
	7.2.2 Sekiranya terdapat invois yang belum diterima, sila dapatkan dengan segera daripada pembekal dan seterusnya menyelesaikan Arahan Pembayaran sehingga Perakuan II seperti tarikh yang ditetapkan.	PTJ	Sehingga 30.11.2021
	7.3 Laporan Tanggungan Belum Selesai Mengenal pasti pesanan yang mempunyai tanggungan yang belum selesai untuk tindakan melengkapkan, hapus atau batal pesanan berdasarkan tarikh yang telah ditetapkan.		Sehingga 31.12.2021
	7.4 Pemantauan Open Item FRN/GRN Pejabat Perakaunan hendaklah mengambil tindakan ke atas item FRN/GRN yang masih <i>open</i> bagi PTJ di bawah seliaan masing-masing. Pemantauan boleh dilakukan melalui larian Tcode FAGLL03 (Kod Akaun L1312959). Sila pastikan FRN/GRN yang telah lengkap diperaku, sempurna dibuat bayaran. Baki Kod Akaun FRN/GRN (L1312959) hendaklah berbaki sifar.	AO/PTJ	24.12.2021
			31.12.2021

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tarikh Akhir Belanja Mengurus Dan Belanja Pembangunan
8.	Modul Penutupan Akhir Tahun (PAT) Pesanan Kerajaan iGFMS. Bagi Pesanan Kerajaan iGFMS yang belum selesai, PTJ mempunyai pilihan melalui modul Penutupan Akhir Tahun untuk: 8.1 Hapus/batal; atau 8.2 Bawa ke hadapan. Rujuk Garis Panduan Penutupan Akhir Tahun (PAT) Pesanan Kerajaan iGFMS seperti di Lampiran C.	PTJ	Rujuk Garis Panduan PAT Pesanan Kerajaan iGFMS seperti di Lampiran C

2.2 Arahan Pembayaran

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tarikh Akhir Belanja Mengurus Dan Belanja Pembangunan
1.	Memastikan semua Arahan Pembayaran telah diselesaikan sehingga Peraku II.	PTJ	Tarikh Akhir 30.11.2021
2.	Memastikan semua Arahan Pembayaran (Kuiiri) telah diselesaikan sehingga Peraku II.	PTJ	Tarikh Akhir 30.11.2021
3.	Jika Arahan Pembayaran tidak berjaya dibuat Peraku II pada 30 November 2021 atau tarikh akhir yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa, dokumen tersebut perlu dikuiiri dan dihapuskan (status 74).	PTJ	Tarikh Akhir 24.12.2021
4.	Melaksanakan <i>Payment Run</i> dan memastikan semua Arahan Pembayaran yang berstatus <i>open item</i> di FBL1N bagi semua PTJ telah diselesaikan.	AO	Sehingga 30.11.2021 atau arahan Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

5.	Semak status dokumen dan pastikan semua Arahan Pembayaran berstatus 80 telah mempunyai No. EFT.	PTJ	Sehingga 30.11.2021 atau tarikh akhir bayaran berdasarkan arahan Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa
6.	Memastikan Kod Akaun AKB Ongoing Payable (L0191101) berbaki sifar.	AO	31.12.2021
7.	Jana laporan arahan pembayaran seperti Laporan AP103, Laporan Terperinci dan Arahan Bayaran bagi tujuan semakan, penyesuaian, rujukan dan pengauditan	PTJ	Sehingga 31.12.2021

2.3 Bayaran Pukal

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tarikh Akhir Belanja Mengurus Dan Belanja Pembangunan
1.	Agensi Penerbangan Tarikh akhir pengeluaran Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA).	PTJ	Tarikh Akhir 19.11.2021
2.	Agensi Penerbangan perlu mengemukakan <i>file</i> AP504 kepada semua Pejabat Perakaunan untuk transaksi bulan November 2021.	Agensi Penerbangan	Tarikh Akhir 23.11.2021
3.	Memastikan semua bayaran pukal telah diselesaikan.	AO	Sehingga 30.11.2021
4.	Sekiranya terdapat WPUA selepas 19 November 2021, PTJ hendaklah menggunakan P5 (WPUA bukan pukal).	PTJ	20.11.2021 sehingga 31.12.2021
	NOTA PENTING: PTJ hendaklah memastikan pembayaran bil bagi WPUA Bukan Pukal dipantau rapi bagi mengelakkan bayaran tertunggak kepada agensi penerbangan.	PTJ	

SPANM BIL. 6/2021

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tarikh Akhir Belanja Mengurus Dan Belanja Pembangunan
5.	Pukal selain daripada Agensi Penerbangan. 5.1 Bil pukal bagi bulan November 2021 (1 hingga 19 November 2021), AP504 hendaklah di hantar oleh agensi selewat – lewatnya pada 23 November 2021. 5.2 Bil pukal bagi bulan Disember 2021 (1 hingga 31 Disember 2021) dibayar tertakluk kepada arahan Kementerian Kewangan. 5.3 Pembayaran bil pukal disempurnakan oleh Pejabat Perakaunan.	Agensi Agensi AO	Tarikh Akhir 30.11.2021 Arahan Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa Tarikh Akhir 30.11.2021

2.4 Pengurusan Panjar

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tempoh
1.	PANJAR WANG RUNCIT 1.1 Memastikan Sijil Perakuan Panjar disemak serta memastikan item-item yang terdapat di Lampiran I dan Lampiran II (jika ada) diselesaikan dengan sempurna. Sekiranya baki Sijil Perakuan Panjar tidak tepat atau terdapat item-item yang tidak dapat dikenal pasti, PTJ hendaklah membuat tindakan SOLMAN dengan kadar segera. 1.2 Rujuk Laporan Senarai Dokumen Bagi Proses Panjar Yang Belum Selesai untuk mengenal pasti senarai dokumen panjar yang perlu disempurnakan. 1.3 Meluluskan semua Baucar Kecil (Kew. 50E) sehingga berstatus 80. 1.4 Meluluskan semua Penerimaan Lain-lain sehingga berstatus 80 sebelum rekupmen akhir. 1.5 Menyelesaikan rekupmen terakhir melalui Arahan Pembayaran Rekupmen Panjar sehingga Peraku II. Pastikan tiada baucar kecil (Kew. 50E) dikeluarkan dan tiada Penerimaan Lain-lain dibuat selepas rekupmen terakhir disediakan.	PTJ PTJ PTJ PTJ AO/PTJ	Tarikh Akhir 26.11.2021 Tarikh Akhir 26.11.2021 Tarikh Akhir 26.11.2021 Tarikh Akhir 26.11.2021 Tarikh Akhir 26.11.2021

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tempoh
	1.6 Menunaikan wang rekupmen di bank bagi membolehkan tindakan Penerimaan Rekupmen dilakukan. 1.7 Memastikan Penerimaan Rekupmen diluluskan (status 80). Pastikan baki Buku Wang Runcit adalah bersamaan dengan apungan yang diluluskan. 1.8 Memastikan semua proses panjar di PTJ diselesaikan sebelum penutupan akaun bagi memastikan tunai di tangan adalah bersamaan dengan apungan yang diluluskan. 1.9 Rujuk semula Laporan Senarai Dokumen Bagi Proses Panjar Yang Belum Selesai untuk memastikan semua proses panjar telah lengkap dan sempurna. 1.10 Laporan Jana Laporan Senarai Baki Bagi Pemegang Panjar (T-Code: ZRCM101) bagi memastikan baki buku tunai adalah bersamaan dengan apungan yang diluluskan.	PTJ PTJ PTJ PTJ AO	Tarikh Akhir 30.11.2021 Tarikh Akhir 30.11.2021 Tarikh Akhir 30.11.2021 Tarikh Akhir 30.11.2021 Tarikh Akhir 30.11.2021
2.	Panjar Khas Yang Menggunakan Modul Panjar Di Portal iGFMS. 2.1 Memastikan Sijil Perakuan Panjar disemak serta memastikan item-item yang terdapat di Lampiran I dan Lampiran II (jika ada) diselesaikan dengan sempurna. Sekiranya baki Sijil Perakuan Panjar tidak tepat atau terdapat item-item yang tidak dapat dikenal pasti, PTJ hendaklah membuat tindakan SOLMAN dengan kadar segera. 2.2 Memastikan tiada item-item tertunggak pada Penyata Penyesuaian Bank. 2.3 Rujuk Laporan Senarai Dokumen Bagi Proses Panjar Yang Belum Selesai untuk mengenal pasti senarai dokumen panjar yang perlu disempurnakan. 2.4 Meluluskan semua Baucar Kecil (Kew. 50E) sehingga berstatus 80. 2.5 Meluluskan semua Penerimaan Lain-lain sehingga berstatus 80 sebelum rekupmen akhir.	PTJ PTJ PTJ PTJ PTJ	Tarikh Akhir 26.11.2021 Tarikh Akhir 26.11.2021 Tarikh Akhir 26.11.2021 Tarikh Akhir 26.11.2021 Tarikh Akhir 26.11.2021

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tempoh
	2.6 Menyelesaikan rekupmen terakhir melalui Arahan Pembayaran Rekupmen Panjar sehingga Peraku II. Pastikan tiada baucar kecil (Kew. 50E) dikeluarkan dan tiada Penerimaan Lain-lain dibuat selepas rekupmen terakhir disediakan. 2.7 Membuat semakan dengan bank untuk memastikan wang rekupmen telah dikreditkan ke akaun bank Panjar Khas bagi membolehkan tindakan Penerimaan Rekupmen dilakukan. 2.8 Memastikan Penerimaan Rekupmen diluluskan (status 80). Pastikan baki Buku Tunai Akaun Panjar adalah bersamaan dengan apungan yang diluluskan. 2.9 Memastikan semua proses panjar di PTJ diselesaikan sebelum penutupan akaun bagi memastikan jumlah tunai di tangan dan baki di bank adalah bersamaan dengan apungan yang diluluskan. 2.10 Rujuk semula Laporan Senarai Dokumen Bagi Proses Panjar Yang Belum Selesai untuk memastikan proses panjar adalah lengkap dan sempurna. 2.11 Memastikan semua transaksi panjar diperakaunkan sewajarnya sebelum penutupan akaun bagi memastikan baki Buku Tunai di Sijil Perakuan Panjar adalah bersamaan dengan baki Panjar Khas di FAGLB03/ FAGLL03. 2.12 Laporan Jana Laporan Senarai Baki Bagi Pemegang Panjar (T-Code: ZRCM101) bagi memastikan baki buku tunai adalah bersamaan dengan apungan yang diluluskan.	AO/PTJ PTJ PTJ PTJ PTJ KEM AO/KEM	Tarikh Akhir 26.11.2021 Tarikh Akhir 30.11.2021 Tarikh Akhir 30.11.2021 Tarikh Akhir 30.11.2021 Tarikh Akhir 30.11.2021 Tarikh Akhir 30.11.2021 Tarikh Akhir 30.11.2021
3.	Panjar Khas Yang Tidak Menggunakan Modul Panjar Di Portal iGFMAS		
	3.1 Memastikan tiada item-item tertunggak pada Penyata Penyesuaian Bank.	PTJ	Tarikh Akhir 26.11.2021
	3.2 Menyelesaikan rekupmen terakhir melalui Arahan Pembayaran Rekupmen Panjar sehingga Peraku II. Pastikan tiada baucar kecil (Kew. 50) dikeluarkan selepas rekupmen terakhir disediakan.	AO/PTJ	Tarikh Akhir 26.11.2021

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tempoh
	3.3 Membuat semakan dengan bank untuk memastikan wang rekupmen telah dikreditkan ke akaun bank panjar khas. Pastikan Buku Tunai Akaun Panjar (manual) adalah bersamaan dengan apungan yang diluluskan. 3.4 Memastikan semua proses panjar diselesaikan sebelum penutupan akaun bagi memastikan jumlah tunai di tangan dan baki di bank adalah bersamaan dengan apungan yang diluluskan. 3.5 Memastikan semua transaksi panjar diperakaunkan sewajarnya sebelum penutupan akaun bagi memastikan baki Buku Tunai di Sijil Perakuan Panjar adalah bersamaan dengan baki Panjar Khas di FAGLB03/ FAGLL03. 3.6 Laporan Jana Laporan Senarai Baki Bagi Pemegang Panjar (T-Code: ZRCM101) bagi memastikan baki buku tunai adalah bersamaan dengan apungan yang diluluskan.	PTJ PTJ KEM AO/KEM	Tarikh Akhir 30.11.2021 Tarikh Akhir 30.11.2021 Tarikh Akhir 30.11.2021 Tarikh Akhir 30.11.2021
4.	Panjar Unit Memastikan semua transaksi panjar (melalui jurnal pelarasan) berjaya diperakaunkan di dalam iGFMS sebelum penutupan akaun.	Bahagian Akaun Kementerian Pertahanan	Tarikh Akhir 30.11.2021
5.	Panjar Tiga Perduabelas 5.1 Memastikan semua jurnal ringkasan iSPLN berjaya diperakaunkan di iGFMS sebelum penutupan akaun. 5.2 Memastikan semua transaksi panjar diperakaunkan sewajarnya sebelum penutupan akaun bagi memastikan baki Buku Tunai di Sijil Perakuan Panjar adalah bersamaan dengan baki Panjar Tiga Perduabelas di FAGLB03/ FAGLL03.	Bahagian Akaun Kementerian Luar Negeri KEM	Tarikh Akhir 30.11.2021 28.12.2021

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tempoh
6.	Akaun Penyelesaian Panjar		
6.1	Memastikan Akaun Penyelesaian Panjar (APP) dikosongkan di peringkat Pejabat Perakaunan, Segmen dan Dana pada penutupan akaun.	AO	Tarikh Akhir 30.11.2021
6.2	Sekiranya didapati APP tidak dikosongkan/berbaki dimana-mana peringkat di antara Pejabat Perakaunan, Segmen dan Dana, Pejabat Perakaunan hendaklah menyemak dan membuat pelarasan bagi transaksi yang berkaitan untuk membolehkan APP dikosongkan sewajarnya. (Pemantauan boleh dibuat melalui Laporan FAGLB03 / FAGLL03. Akaun ini hanya melibatkan PWR dan Panjar Khas (yang menggunakan Modul Panjar di portal iGFMS sahaja.)	AO	Tarikh Akhir 30.11.2021

2.5 Pengurusan Gaji

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tempoh
1.	Gaji Bulan Disember 2021 Gaji bulan Disember 2021 dibayar pada 20 Disember 2021.	Makluman	
2.	Mewujudkan / Mengemaskini Pusat Pembayar Gaji (Pay Center - PC) bulan Disember 2021:		
2.1	Mengenal pasti PTJ bagi tujuan mewujudkan Pusat Pembayar Gaji (PC) baru termasuk PC bagi pegawai Bergaji Hari (<i>Daily Rated</i>).	AO/ PTJ	Tarikh Akhir 29.11.2021
2.2	Mendaftar majikan baharu untuk caruman/ bayaran kepada KWSP, PERKESO dan LHDNM.	PTJ	Tarikh Akhir 29.11.2021
2.3	Menghantar Borang SG10 ke BPTM untuk tindakan mewujudkan/ mengemaskini PC.	AO/PTJ	Tarikh Akhir 29.11.2021
2.4	Mewujudkan/mengemaskini PC baharu/sedia ada.	BPTM	15.11.2021 sehingga 01.12.2021

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tempoh
3.	Pembayaran Gaji <i>Regular Cycle</i> 3.1 Memproses data potongan gaji Disember 2021 (data File-In) dari Agensi Potongan Gaji. 3.2 Menyelesaikan kunci masuk perubahan gaji (Kew.320) bulan Disember 2021. 3.3 Memproses gaji bulan Disember 2021.	BPOPP PTJ AO	26.11.2021 sehingga 29.11.2021 Tarikh Akhir 02.12.2021 Mulai 03.12.2021
4.	Pembayaran Gaji Kepada Pegawai Lantikan Baharu 4.1 Menyelesaikan kunci masuk data gaji pegawai lantikan baharu (Kew.320 bulan Disember 2021 bagi pembayaran melalui <i>regular cycle</i> bulan Disember 2021). 4.2 <i>Late cycle</i> tidak dibenarkan bagi gaji Disember 2021. PTJ hendaklah menyediakan Arahan Pembayaran bagi gaji Disember 2021 untuk pegawai yang terlibat.	PTJ AO/PTJ	Tarikh Akhir 02.12.2021 Tarikh Akhir 17.12.2021
5.	Pembayaran Gaji Kepada Pegawai Bergaji Hari 5.1 Memproses gaji bulan November 2021 dan Disember 2021 (anggaran bilangan hari yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan untuk tempoh bekerja 1 sehingga 31 Disember 2021) dan dilaksanakan menggunakan Modul HCM/AP iGFMS. Modul AP iGFMS menggunakan Arahan Pembayaran (Jenis Dokumen K6). 5.2 Menyediakan Arahan Pembayaran (Jenis Dokumen K2) bagi caruman KWSP (Jenis Arahan Pembayaran – M) pekerja dan majikan bagi gaji bulan November 2021 dan Disember 2021 sekiranya perkara 5.1 dilaksanakan menggunakan Modul AP iGFMS. Pembayaran adalah secara berasingan mengikut bulan.	PTJ PTJ	Tarikh Akhir 9.12.2021 Tarikh Akhir 9.12.2021

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tempoh
	5.3 Menyediakan Borang A bagi caruman KWSP pekerja dan majikan bagi gaji satu bulan November 2021 sekiranya perkara 5.1 dilaksanakan menggunakan Modul AP iGFMS.	PTJ	Tarikh Akhir 15.12.2021
	5.4 Menyediakan Borang A bagi caruman KWSP pekerja dan majikan bagi gaji satu bulan Disember 2021 sekiranya perkara 5.1 dilaksanakan menggunakan Modul AP iGFMS.	PTJ	Tarikh Akhir 27.12.2021
	5.5 Mengutip amaun gaji terlebih bayar daripada pegawai bergaji hari bagi baki tidak hadir berkhidmat dalam tempoh 1 hingga 31 Disember 2021. Kutipan terlebih bayar dilakukan dengan pelarasan gaji bulan Januari 2022.	PTJ	Selewat-lewatnya pada hari bekerja ketujuh (7) bulan Februari 2022
6.	Perpindahan Pegawai (<i>Transfer Out/Transfer In</i>) Dan Kemas Kini Kod Perakaunan Untuk Tahun 2022		
	6.1 Melaksanakan tindakan perpindahan pegawai (<i>Transfer Out/Transfer In</i>) bagi bulan Januari 2022.	PTJ	Tarikh Akhir 24.12.2021
	6.2 Mengemaskini (<i>code conversion</i>) kod aktiviti, kod dana dan kod cost center mengikut Bajet 2022 bagi setiap nombor gaji terlibat.	BPTM	27.12.2021 sehingga 31.12.2021
	6.3 Melaksanakan tindakan penamatan pegawai bagi bulan Januari 2022.	PTJ	Selepas selesai kemaskini akaun 2022
	6.4 Melaksanakan tindakan perpindahan pegawai (<i>Transfer Out/Transfer In</i>) bagi bulan Februari 2022 dan bulan seterusnya.	PTJ	Selepas selesai <i>payroll</i> Januari 2022
7.	Mewujudkan/Mengemaskini Pusat Pembayar Gaji (<i>Pay Center-PC</i>) Untuk Tahun 2022		
	7.1 Mengenal pasti PTJ bagi tujuan mewujudkan Pusat Pembayar Gaji (PC) baru termasuk PC bagi pegawai Bergaji Hari (<i>Daily Rated</i>).	AO	Tarikh Akhir 20.12.2021

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tempoh
	7.2 Mendaftar majikan baharu untuk caruman/ bayaran kepada KWSP, PERKESO dan LHDNM.	PTJ	Tarikh Akhir 20.12.2021
	7.3 Menghantar Borang SG10 ke BPTM untuk tindakan mewujudkan/ mengemaskini PC.	AO/PTJ	Tarikh Akhir 20.12.2021
	7.4 Mewujudkan / mengemaskini PC baharu / sedia ada.	BPTM	20.12.2021 sehingga 29.12.2021
8.	Pelarasan Gaji		
	8.1 Menyediakan jurnal pelarasan gaji bagi kes pegawai berpindah, potongan gaji, bayaran potongan berkanun.	AO/ PTJ	Tarikh Akhir 15.12.2021
	8.2 Memastikan akaun penyelesaian gaji dikosongkan sebelum penutupan akaun	AO	Tarikh Akhir 15.12.2021

2.6 Pengurusan Terimaan

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tempoh
1.	Memastikan semua resit yang dijana di iGFMAS telah dibuat serahan wang dan penyata pemungut telah dibuat Peraku II.	PTJ	Tarikh Akhir 31.12.2021
	1.1 Semua terimaan pada 31 Disember 2021 hendaklah dibankkan pada hari yang sama.	PTJ	Tarikh Akhir 31.12.2021
	1.1.1 PTJ memastikan <i>open item</i> A0122101 (WANG TUNAI BELUM DIBANKKAN) diselesaikan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP)78(a).	AO	Tarikh Akhir 31.12.2021
	1.1.2 Sekiranya terdapat Resit Rasmi yang perlu dibatalkan, pembatalan resit hendaklah dibuat segera melalui Baucar Jurnal Pembatalan Resit.		

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tempoh
2.	Memastikan maklumat invois, resit & penyata pemungut yang dijana dari sistem terimaan Agensi:		
	2.1 Dihantar ke sistem iGFMS dan berjaya diperakaunkan dalam sistem iGFMS. Teruskan proses sehingga Peraku II Penyata Pemungut <i>Online</i> ; atau	PTJ Bagi Sistem Yang Berintegrasi	Tarikh Akhir 31.12.2021
	2.2 Dikunci masuk ke dalam sistem iGFMS. Teruskan proses sehingga Peraku II Penyata Pemungut <i>Online</i> .	PTJ	Tarikh Akhir 31.12.2021
3.	Memastikan Baucar Jurnal Pelarasan berkaitan Terimaan diselesaikan.	PTJ	Tarikh Akhir 31.12.2021
	Pada 1 Januari 2022, sekiranya terdapat Baucar Jurnal tahun 2021 yang masih belum berstatus 80 (Peraku 2), PTJ dikehendaki Hapus Baucar Jurnal tersebut dan kemudian sediakan Baucar Jurnal yang baharu dengan <i>tick</i> pada <i>checkbox</i> AKB dalam tempoh AKB bagi membolehkan Baucar Jurnal diperakaunkan pada tahun 2021.		
4.	Menyemak Laporan Buku Tunai Cerakinan dan memastikan Serahan Wang dan Penyata Pemungut telah berstatus 80 dan nombor Resit Perbendaharaan telah dijana.	PTJ	Tarikh Akhir 31.12.2021
5.	Memastikan Baucar Jurnal Akruan (DH) disediakan bagi memperakaunkan ABT hasil sekiranya subsidiari diselaraskan di luar sistem iGFMS.	PTJ	Tarikh Akhir 31.12.2021
6.	Mengemaskini invois, resit & penyata pemungut yang dijana dari sistem terimaan Agensi dengan menanda butang AKB yang terdapat di portal sekiranya terdapat dokumen yang tidak sempat diperakaunkan dalam iGFMS pada 31.12.2021.	PTJ	Bermula 1.1.2022 hingga 7.1.2022
	Bagi terimaan <i>online</i> , resit yang tidak sempat disediakan sebelum 31/12/2021, hendaklah dikunci masuk dengan menanda butang AKB yang terdapat di portal.		
7.	Memastikan kod Penjenisan Terimaan yang diwujudkan dalam tahun semasa dan akan digunakan pada tahun baharu dibawa ke hadapan (rujuk Manual Pengguna Modul Akaun Terimaan - Kod Penjenisan Terimaan)	PTJ	Bermula 1.1.2022

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tempoh
8.	Memastikan Penyata Akaun Pelanggan & Surat Pengesahan Baki Tunggakan dijana dan diedarkan kepada pelanggan.	PTJ Berkaitan	Bermula 1.1.2022
9.	Memastikan kod pelanggan PTJ diwujudkan bagi kod PTJ yang baharu untuk memastikan proses terimaan berjalan lancar.	PTJ Berkaitan	
	Pelarasan Terimaan Cek Tak Laku		
10.	Tindakan Pelarasan bagi baki Kod Akaun Cek Tak Laku (T0851901) hendaklah dilakukan seperti berikut:		
	10.1 Pelarasan kod Akaun Cek Tak Laku bagi Lejar Tunai - T0851901 dan Lejar Akruan - A0311101 hendaklah dibuat sekiranya terdapat penggantian Cek Tak Laku yang diakaunkan kepada kod Akaun lain (ie kod hasil/ deposit/ amanah).	AO	Rujuk Tatacara Pelarasan Cek Tak Laku yang diedarkan oleh BPOPA
	10.2 Baki lejar tunai Kod Akaun Cek Tak Laku (T0851901) hendaklah disifarkan bagi mematuhi dasar perakaunan asas tunai ubah suai dimana tunai perlu diterima bagi setiap transaksi hasil/ amanah/ deposit yang diakaunkan pada tahun kewangan semasa.	AO	Rujuk Tatacara Pelarasan Cek Tak Laku yang diedarkan oleh BPOPA
	Sekiranya penggantian Cek Tak Laku tersebut diterima pada tahun 2021, baki lejar tunai Kod Akaun Cek Tak Laku (T0851901) hendaklah dilaraskan semula pada tahun 2021.		
11.	Sediakan pelarasan bagi baki Kod Akaun Cek Tak Laku (T0851901) berdasarkan tatacara pelarasan yang diedarkan oleh BPOPA.	AO	Rujuk Tatacara Pelarasan Cek Tak Laku yang diedarkan oleh BPOPA
	Invois Open Item		
12.	Memastikan Invois <i>Open Item</i> (ABT <i>Ongoing Receivables</i> – A0481101) adalah invois-invois yang belum diterima bayaran sahaja dan resit dikeluarkan tidak menggunakan resit jenis <i>One Time Customer</i> bagi terimaan yang mempunyai Invois.	PTJ	

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

2.7 Pengurusan Akaun Bank

Bil	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tempoh
1.	Memastikan semua penyata bank telah diproses (SM35) sebelum jam 9.00 pagi. Hubungi bank dan/atau BPTM dengan segera sekiranya terdapat pindaan pada penyata bank yang perlu dilaksanakan semula.	AO	Tarikh Akhir 31.12.2021
2.	Memastikan semua transaksi bayaran, terimaan dan pindahan dana antara akaun bank telah diperakaunkan dengan sempurna.	AO	Tarikh Akhir 31.12.2021
3.	Memastikan semua transaksi di penyata bank dan buku tunai disesuaikan (F.13 atau F-03).	AO	Tarikh Akhir 31.12.2021
	Debit/Kredit di Buku Tunai, Tiada di Penyata Bank		
	(a) Hubungi PTJ berkaitan sekiranya terdapat pemungut yang masih belum dibankkan.		
	(b) Semak dengan bank sekiranya terdapat pembayaran yang gagal, tetapi tiada dalam CR file.		
	Debit/Kredit di Bank, Tiada di Buku Tunai		
	(a) Pastikan semua transaksi bayaran diperakaunkan.		
	(b) Pastikan semua transaksi terimaan diperakaunkan termasuk terimaan tidak dikenal pasti.		
4.	Memastikan terimaan tidak dikenal pasti diperakaunkan pada tahun kewangan yang sama dengan tarikh transaksi terimaan tersebut.		
	4.1 Transaksi terimaan tidak dikenal pasti yang telah melebihi 3 bulan, diperakaunkan ke kod hasil Pelbagai Terimaan-terimaan Yang Lain (H0182599).	AO	Tarikh Akhir 31.12.2021
	4.2 Transaksi terimaan tidak dikenal pasti yang belum mencapai 3 bulan pada 31.12.2021, diperakaunkan ke Akaun Deposit Terimaan Tidak Diperuntukkan – ATTD (L1121106) melalui resit / resit AKB dan seterusnya penyata pemungut atau baucar jurnal. Pejabat Perakaunan perlu memohon kebenaran penggunaan ATTD kepada Unit Pengurusan Akaun Deposit, BPOPA.	AO	Pada 31.12.2021 atau dalam tempoh AKB

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Bil	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tempoh
	Penggunaan ATTD bagi tujuan ini hanya dibenarkan untuk tempoh selama 3 bulan sahaja. Perakaunan Pelbagai Terimaan-terimaan Yang Lain dan ATTD dipertanggungjawabkan kepada PTJ Kementerian bagi Pejabat Perakaunan Kementerian, manakala PTJ Sub Perbendaharaan bagi Pejabat Perakaunan JANM. Tindakan Pada Awal Tahun Berikutnya		
5.	Memastikan semua penyata bank (31.12.2021) telah diproses (SM35) sebelum jam 9.00 pagi. Memastikan semua transaksi di penyata bank dan buku tunai disesuaikan (F.13 atau F-03) dengan tarikh 31.12.2021.	AO	Pada 1.1.2022 hingga 3.1.2022
6.	Memastikan tiada resit dikeluarkan semula bagi transaksi terimaan yang telah diperakaunkan ke ATTD. Melaraskan semula ATTD ke kod sebenar setelah dikenal pasti atau Hasil Pelbagai Terimaan-terimaan Yang Lain (jika tidak dikenal pasti sehingga 3 bulan) dengan menggunakan Baucar Jurnal GL (S2 atau S4) atau Baucar Jurnal AR (DV) bagi yang melibatkan subsidiari.	AO	Bermula 1.1.2022 hingga selewat-lewatnya 31.03.2022

2.8 Baucar Jurnal

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tempoh
1.	Baucar Jurnal GL (S1,S2,S4,S5,S7,S8 & S9) Pastikan baucar jurnal telah dibuat Peraku II atau Akuan Terima. <i>³Pelarasan melibatkan semakan peruntukan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan (debit) hendaklah diselesaikan sebelum atau pada 30 November 2021.</i>	AO/PTJ	Tarikh Akhir 31.12.2021

**LAMPIRAN A: GARIS PANDUAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggung-jawab	Tempoh
2.	Baucar Jurnal Perakaunan Aset Memastikan baucar jurnal berikut dibuat Peraku II atau Akuan Terima: 2.1 Perolehan aset 2.2 Aset Dalam Pembinaan (<i>Assets Under Construction – AUC</i>) 2.3 Pindahan Aset 2.4 Pengelasan Aset 2.5 Penjejasan Nilai Aset 2.6 Pelupusan Aset 2.7 Pelarasan Aset 2.8 Pembatalan Urus Niaga Aset 2.9 Susut Nilai Aset Secara Manual (Khusus KKR sahaja) Rujuk Lampiran B – Garis Panduan Perakaunan Aset dan Inventori Bagi Tahun Kewangan 2021.	PTJ	Tarikh Akhir 31.12.2021
3.	Akaun Penyelesaian AO hendaklah memastikan semua Akaun Penyelesaian disifarkan pada akhir tahun kewangan 2021. Sila rujuk Panduan Penyediaan dan Penyerahan Kertas Kerja Sokongan Penutupan Akaun Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Kewangan 2021 untuk senarai Akaun Penyelesaian yang perlu disifarkan.	PTJ	Tarikh Akhir 31.12.2021

*Semua PTJ dan AO yang terlibat hendaklah mematuhi garis panduan dan tempoh masa yang telah ditetapkan bagi memastikan aktiviti penutupan akhir tahun 2021 berjalan lancar.



**LAMPIRAN B:
GARIS PANDUAN PERAKAUNAN ASET DAN INVENTORI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
2021**

**LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PERAKAUNAN ASET DAN INVENTORI BAGI TAHUN
KEWANGAN 2021**

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan memberi penjelasan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pejabat Perakaunan (*Accounting Offices – AO*) secara terperinci mengenai perakaunan aset dan inventori semasa penutupan akhir tahun 2021 bagi melancarkan proses penutupan akaun dan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan tahun kewangan 2021.

2. SENARAI AKTIVITI, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

2.1 Tindakan Sebelum (Perakaunan Aset Bukan Semasa)

- 2.1.1 Semua tindakan bagi perakaunan aset yang disenaraikan perlu **diselesaikan sehingga Perakuan II atau Akuan Terima (status 80)** dalam tempoh masa yang ditetapkan bagi memastikan Nilai Bawaan Terkini Aset, diambilkira dengan tepat semasa pelaksanaan proses susut nilai berjadual pada bulan Disember 2021.
- 2.1.2 Tindakan yang disenaraikan adalah termasuk tindakan yang diambil selepas data migrasi baki awal aset tersedia di iGFMAS (Rujuk Tatacara Tindakan Pengemaskinian Perakaunan Aset dan Liabiliti selepas Data Baki Awal Aset Tersedia di iGFMAS).
- 2.1.3 Semua tindakan yang perlu dilaksanakan Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung/Kumpulan PTJ & PTJ Membayar (jika berkaitan) perlu dipantau oleh Pejabat Perakaunan yang terlibat bagi memastikan kesempurnaan pelaksanaannya dan mematuhi tarikh yang telah ditetapkan.
- 2.1.4 BA Kementerian adalah bertanggungjawab terhadap ketepatan pelaporan Penyata Kewangan Kementerian (Asas Akruan). Dalam usaha untuk memastikan Penyata Kewangan Kementerian (Asas Akruan) memberi gambaran yang benar dan saksama, BA Kementerian boleh memohon bantuan Unit Pengurusan Aset di JANM Negeri/Cawangan untuk turut melakukan pemantauan bagi PTJ Kementerian di bawah seliaan JANM Negeri/Cawangan.
- 2.1.5 UPAIP BPOPA perlu melaksanakan *repeat posting depreciation run* melalui kod transaksi AFAB secara *ad-hoc* jika terdapat keperluan.
- 2.1.6 Tindakan Sebelum (Perakaunan Aset Bukan Semasa) merangkumi:

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PERAKAUNAN ASET DAN INVENTORI BAGI TAHUN KEWANGAN 2021

Bil.	Aktiviti/Tugas	Tanggungjawab	Tempoh
